

# Duchess of Gloucester lawat Institut Teknologi Kreatif Limkokwing

UM 14 SEP 2002

KUALA LUMPUR — Duchess of Gloucester, Brigitte Eva van Deurs baru-baru ini telah meluangkan masa melawat Institut Teknologi Kreatif Limkokwing (LICT) di Petaling Jaya, Selangor.

Isteri kepada Duke of Gloucester, Putera Richard itu disambut dengan paluan kompang dan ucapan selamat datang daripada para pelajar LICT dari lebih 30 buah negara dengan pakaian kebangsaan masing-masing.

Bridgitte Eva juga dipersembahkan dengan pertunjukan tarian tradisional masyarakat majmuk negara ini.

LICT dalam kenyata-

annya di sini memberitahu, program berkenaan merupakan sebahagian daripada siri lawatan baginda selama tiga hari ke negara ini yang bermula pada Ahad lalu.

## Penaung

Kenyataan itu menambah, Duchess of Gloucester yang terkenal sebagai penaung kepada beberapa pertubuhan amal di seluruh dunia, sebelum itu diraikan oleh Presiden LICT, Tan Sri Lim Kok Wing dan isteri, Puan Sri Tessie Lim.

Baginda kemudiannya meluangkan masa meninjau galeri pameran di institut tersebut selain beramah mesra dengan penuntut serta dihadiah-

kan cenderamata berupa kain batik dan songket pada akhir lawatan.

Sebelum itu, Duchess of Gloucester turut membuat kunjungan hormat bersama dengan suaminya ke atas Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah di Istana Negara.

Pasangan diraja itu juga juga menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di pejabatnya di Putrajaya.

Rombongan itu disertai 24 wakil daripada 17 buah syarikat Britain.